

Pilihanraya Kecil Selising dan Kemumin

Sikap Pas tentang konsep demokrasi amat dikesali

KOTA BHARU, Jumaat — Setiausaha Agung Barisan Nasional, Encik Abdul Ghafar Baba amat menyesali sikap Pas yang telah membayangkan penentangan parti itu terhadap konsep demokrasi.

Katanya, kalau benar Pas menolak demokrasi, ia boleh membahayakan keselamatan negara.

Encik Ghafar diminta mengulas kenyataan ahli Jawatankuasa Agung Pas, Encik Subky Latiff yang menyebut bahawa perjuangan Pas bukan untuk demokrasi.

Encik Subky membangkitkan perkara itu sewaktu berucap di ceramah Pas, di Pekan Selising, Pasir Putih, malam kelmarin.

Menolak

Menurut Encik Ghafar, kenyataan itu membayangkan bahawa Pas menolak demokrasi dan jika ini benar ia adalah parti yang membahayakan keselamatan negara ini," tegas beliau.

"Nampaknya Pas hendak merampas kuasa dengan cara kekerasan," tambah beliau.

Encik Ghafar menyatakan, jika parti itu tidak percaya kepada demokrasi, mengapa ia pula menyertai pilihanraya kecil Kemumin dan Selising?

Katanya, dalam ceramah-ceramah pilihanraya kecil Selising dan Kemumin, Umno menerangkan dasar-dasar kerajaan BN yang patut disampaikan kepada rakyat sebagai usaha menarik rakyat supaya menyokong calon-calon BN.

Pakatan

"Tidak ada taktik kotor dan tidak ada pakatan kita dengan Hamim dalam pilihanraya ini.

"Kita cakap apa yang patut disampaikan kepada rakyat," ujarinya.

Menurut Encik Ghafar, pendedahan oleh Hamim mengenai penyelewengan dalam Pas adalah pandangan parti itu sendiri.

"BN tentang Pas mengikut pandangan kita sendiri," kata Encik Ghafar.

Menurutnya Hamim baru ditubuhkan.

"Kita belum tahu ke arah mana perjuangan mereka.

"Tetapi setakat ini Hamim belum menunjukkan belangnya," ujar beliau.

Mengenai peluang kemenangan BN di kawasan Kemumin, Encik Ghafar memberitahu, kedudukan BN di kawasan itu semakin cerah, apabila jentera pilihanraya kecil BN, Umno dan Berjasa, dapat diselaraskan.

Bahan asal dari Arkib